

# LAWATAN KEBAJIKAN AKS TADBIR KE ATAS KPL U MOHD HAQRANI BIN HAWARRI



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3370-lawatan-kebajikan-aks-tadbir-ke-atas-kpl-u-mohd-haqrani-bin-hawarri](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3370-lawatan-kebajikan-aks-tadbir-ke-atas-kpl-u-mohd-haqrani-bin-hawarri)

IPOH, 20 Apr 18 – AKS Tadbir, Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM telah melakukan lawatan kebajikan ke atas Kpl U Mohd Haqrani bin Hawarri bertempat di Kg Cheh Kati Kuala Kangsar. Anggota tersebut mengalami kecederaan di bahagian pinggang akibat dari kemalangan jalan raya dan menunggu untuk menjalani pembedahan.

AKS Tadbir turut menyampaikan sedikit sumbangan dari Tabung Kebajikan TUDM pada sesi lawatan tersebut. Hadir sama semasa lawatan adalah isteri kepada AKS Tadbir, Komandan Akademi Tentera Udara (ATU) Ipoh, PS 1 Pengurusan MTU-Perkhidmatan dan beberapa pegawai serta PW Akademi dari ATU Ipoh.

